

25 FEB 2003

NAM-Sidang Kemuncak/I

SIDANG KEMUNCAK NAM MASUK HARI KEDUA DAN TERAKHIR

KUALA LUMPUR, 25 Feb (Bernama) -- Persidangan para pemimpin Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang memasuki hari kedua dan terakhir diteruskan dengan perbahasan umum.

Sesi yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dimulakan dengan ucapan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe.

Sejumlah 71 pemimpin dan ketua delegasi NAM dijadual menyampaikan ucapan masing-masing hari ini yang dijangka berlanjutan sehingga lewat malam.

Antara mereka yang menyampaikan ucapan hari ini ialah pemimpin Korea Utara Kim Yong Nam, Presiden Cuba Fidel Castro dan Presiden Timor Leste Xanana Gusmao.

Timor Leste dan St Vincent and the Grenadines merupakan anggota terbaru NAM, menjadikan anggota keseluruhannya berjumlah 116.

Pada akhir persidangan, para pemimpin dan ketua-ketua delegasi dijangka mengesahkan dan menerima Dokumen Akhir, Deklarasi Kuala Lumpur serta pernyataan berasingan mengenai Iraq dan Palestin.

Dokumen itu akan memberikan tumpuan kepada kedudukan NAM dalam pelbagai isu manakala Deklarasi Kuala Lumpur pula akan memusatkan kepada penyuburan semula pergerakan berkenaan.

Kedua-dua pernyataan pula akan menggambarkan pendirian pergerakan itu berkaitan konflik Iraq dan Palestin.

Sejumlah 63 ketua kerajaan dan negara menghadiri Sidang Kemuncak NAM ke-13 selama dua hari, bertemakan "Meneruskan Semula Penyuburan NAM."

Perkumpulan NAM mengandungi negara-negara dari Afrika, Asia, Eropah dan Amerika Latin serta wilayah Caribbean. Ia merupakan perkumpulan kedua terbesar selepas Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

-- BERNAMA

HS MFJ ROS